

24 OKTOBER 2017

Cubaan seludup ketamin RM12.7 gagal

BH Selasa, 24 Oktober 2017

Ms.55

JENAYAH

Cubaan seludup ketamin RM12.7j gagal

(FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH)



Mohmad (tiga dari kiri) pada sidang media rampasan dadah di Sepang, semalam.

➔ Dadah diikrar pakaian cuba diseludup ke Taiwan dari KLIA

Oleh **Suhaila Shahrul Annuar dan Fazrik Kamarudin**
bhnews@bh.com.my

► Sepang

Polis mematahkan cubaan menyeludup 254 kilogram (kg) dadah jenis ketamin bernilai RM12.7 juta ke Taiwan melalui kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini.

Setakat ini, rampasan dadah jenis itu pada Khamis lalu adalah yang terbesar di kargo KLIA.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh, berkata dalam serbuan jam 5.30 petang itu, JSJN KLIA bersama Pasukan Khas

Taktikal dan Risikan Narkotik (STING) melakukan pemeriksaan ke atas enam kotak dan menemui 248 bungkusan teh mengandungi 254kg dadah jenis ketamin.

Maklumat pengirim

Katanya, pihaknya percaya dadah yang diikrarkan sebagai pakaian itu cuba diseludup ke dalam pesawat yang akan berlepas ke Taipei, Taiwan, untuk dipasarkan di negara berkenaan.

"Pemeriksaan dibuat susulan maklumat penguat kuasa Taiwan yang sebelum ini merampas bungkusan mengandungi 30.5kg dadah jenis heroin yang disorokkan dalam 90 unit termos haba dan percaya ia daripada sindiket sama.

"Kita tidak menolak kemungkinan harga pasaran dadah di Tai-

Fakta nombor

RM103 JUTA

nilai dadah, pil pelbagai jenis dirampas hasil kerjasama JSJN, MJIB sejak 2012

73 INDIVIDU

ditahan hasil kerjasama JSJN, MJIB

wan yang lebih tinggi daripada nilai di Malaysia, membuatkan sindiket menggunakan pelbagai cara bagi mengaburi mata pihak berkuasa," katanya di sini, semalam.

Mohamad berkata, siasatan awal mendapati maklumat pengirim di kotak yang dirampas menggunakan alamat di Lembah Klang.

Belum ada tangkapan

"Setakat ini belum ada tangkapan dan kami bekerjasama dengan Ministry of Justice Investigation Bureau (MJIB) Taiwan bagi menyiasat sindiket yang terbabit dalam kegiatan itu," katanya.

Beliau berkata, lima rampasan dadah berjaya dilakukan memabitkan 73 tangkapan, iaitu memabitkan 54 warga tempatan dan 19 warga asing sejak 2012, hasil

kerjasama JSJN dan MJIB.

"Rampasan itu memabitkan 1,025kg dadah dan lebih empat juta pil pelbagai jenis bernilai RM103 juta, dipercayai digunakan oleh 850,000 penagih," katanya.

Di Kuala Lumpur, JSJN Kuala Lumpur menahan tujuh suspek dipercayai terbabit dengan pengedaran dadah dalam operasi sekitar Lembah Klang minggu lalu.

Ketuanya, Asisten Komisioner Adnan Azizon, berkata semua suspek warga tempatan itu terbabit dalam pengedaran dadah jenis methamphetamine, pil eramin 5 dan pil ecstasy.

"Semua kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman gantung sampai mati jika disabit kesalahan," katanya.